

Cubaan bekas menteri Sabah gantung sabitan tiada merit

Berita Harian 29/7/2022 (page 18)

Kuala Lumpur: Permohonan bekas Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Datuk Peter Anthony untuk menggantung pelaksanaan sabitan kes memalsukan dokumen yang dihadapinya, tidak mempunyai sebarang merit dan bertentangan undang-undang, demikian ditegaskan pendakwa.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Shaharuddin Wan Ladin berhujah di Mahkamah Sesyen semalam, berkata ia adalah kerana Hakim Azura Alwi yang mensabitkan Anthony pada 26 Mei lalu sudah memenuhi fungsi kehakimannya, oleh itu dianggap sebagai 'functus officio' (sudah melaksanakan mandat dan fungsinya).

Wan Shaharuddin berkata, permohonan Anthony yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melalap hanya boleh dibenarkan jika terdapat kesilapan 'tersalah tulis' mengikut Seksyen 278 Kanun Acara Jenayah, tetapi jelas dalam kes terbabit, tiada terdapat sebarang

kesilapan berkenaan.

Beliau berkata, hakim tidak boleh membenarkan permohonan itu pada peringkat ini kerana ia bertentangan Seksyen 278 Kanun Acara Jenayah (KAJ) disebabkan ia membabitkan judicial act (tindakan kehakiman) hakim.

Hak tertuduh sudah berakhir

Wan Shaharuddin berkata, hak tertuduh dalam kes itu di Mahkamah Sesyen sudah berakhir yang mana hakim sudah memberikan perintah akhir, oleh itu pembelaan sepatutnya membuat permohonan di Mahkamah Tinggi selaras dengan Seksyen 287 Kanun Acara Jenayah.

"Ketika keputusan, pendakwa sudah meminta pengesahan jika pihak pembelaan hanya akan memohon penggantungan pelaksanaan hukuman dan pihak pembelaan meningesahkan sedemikian.

"Permohonan itu pada peringkat ini boleh dianggap sebagai suatu penyalahgunaan proses

mahkamah. Hakim sudah membenarkan penggantungan pelaksanaan hukuman penjara terhadap tertuduh dan dia sudah membayar denda (RM50,000) yang dikenakan terhadapnya. Oleh itu, permohonan pihak pembelaan ini perlu ditolak," katanya.

Pada 26 Mei lalu, Anthony dihukum penjara tiga tahun dan denda RM50,000 selepas didapati bersalah memalsukan surat berhubung kontrak kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan Sistem Mekanikal dan Elektrik (M&E) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Peter sebagai Pengarah Urusan Syarikat Asli Jati Sdn Bhd, didakwa memalsukan surat pejabat Timbalan Naib Canselor UMS bertarikh 9 Jun 2014, iaitu memasukkan pernyataan palsu dengan niat digunakan untuk tujuan menipu, mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda.